| Keuntungan Simpanan Semasa              | <b>241,965</b>   | 233,530                 | <b>241,965</b>   | 233,530                 |
| Sekolah Rendah Agama Sg. Selisik        | <b>12,403</b>    | 12,403                  | <b>12,403</b>    | 12,403                  |
| Darul Ulom Academy of Brisbane          | <b>1,845</b>     | 1,845                   | <b>1,845</b>     | 1,845                   |
| SMK Dato Hamzah, Pelabuhan Kelang       | <b>70,000</b>    | 70,000                  | <b>70,000</b>    | 70,000                  |
| Mohd Azam Ismail                        | <b>450</b>       | 450                     | <b>450</b>       | 450                     |
| Elaun AJK Masjid (Zakat)                | <b>1,252,897</b> | -                       | <b>1,252,897</b> | -                       |
| KAFA                                    | <b>20,500</b>    | 20,500                  | <b>20,500</b>    | 20,500                  |
| Honorarium Majalah MAIS                 | <b>1,600</b>     | -                       | <b>1,600</b>     | -                       |
| Pelbagai Terimaan Amanah                | <b>991,275</b>   | 28,290                  | <b>991,275</b>   | 28,290                  |
| Masjid Jamek Kalompang                  | <b>479</b>       | 479                     | <b>479</b>       | 479                     |
| Projek Fakulti Undang-Undang (KUIS)     | <b>2,509,014</b> | -                       | <b>2,509,014</b> | -                       |
| Hajjah Manyah Bt Maah                   | -                | 3,000                   | -                | 3,000                   |
| Masjid Taman Dato Harun, Petaling Jaya  | <b>15,715</b>    | 15,715                  | <b>15,715</b>    | 15,715                  |
| Kolej Islam Selangor Darul Ehsan        | <b>5,470</b>     | 5,470                   | <b>5,470</b>     | 5,470                   |
| Sek. Ren. Agama Kg Kuantan              | <b>30,000</b>    | 30,000                  | <b>30,000</b>    | 30,000                  |
| SRA Bandar Tasik Puteri, Rawang, Gombak | <b>141,376</b>   | 258,343                 | <b>141,376</b>   | 258,343                 |
| Sungai Gumut                            | <b>2,335</b>     | 2,060                   | <b>2,335</b>     | 2,060                   |
| Masjid An Nur Bandar Country Home       | <b>7,500</b>     | 7,500                   | <b>7,500</b>     | 7,500                   |
| Fidyah Puasa                            | <b>275</b>       | 275                     | <b>275</b>       | 275                     |
| Masjid Negeri ( Penghawa Dingin )       | -                | (41,755)                | -                | (41,755)                |
| Pembinaan Surau Darul Salim             | <b>4,762</b>     | 14,072                  | <b>4,762</b>     | 14,072                  |
| Tsunami                                 | <b>26,837</b>    | 26,837                  | <b>26,837</b>    | 26,837                  |
| MSSAAS (Tangga Bergerak)                | <b>600</b>       | 9,450                   | <b>600</b>       | 9,450                   |
| Rapid Test (JAIS)                       | <b>139,598</b>   | -                       | <b>139,598</b>   | -                       |
| Tabung Amanah Mais Zakat Sdn. Bhd.      | -                | 10,760                  | -                | -                       |
|   | <b>6,021,146</b> | 908,610                 | <b>6,021,146</b> | 897,850                 |

**21. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN**

|                                 | KUMPULAN          |                                    | MAIS             |                                    |
|---------------------------------|-------------------|------------------------------------|------------------|------------------------------------|
|                                 | 2006<br>RM        | 2005<br>Dinyatakan<br>Semula<br>RM | 2006<br>RM       | 2005<br>Dinyatakan<br>Semula<br>RM |
| Pelbagai Pemiutang              | <b>9,193,891</b>  | 8,241,126                          | <b>5,516,958</b> | 3,270,118                          |
| Pemiutang Tajaan                | <b>1,644,116</b>  | 1,159,202                          | -                | -                                  |
| Perbelanjaan Akruan             | <b>660,802</b>    | 580,504                            | <b>450,815</b>   | 148,096                            |
| Yuran Audit                     | <b>93,300</b>     | 100,244                            | <b>48,000</b>    | 48,000                             |
| Pelbagai Pemiutang - Aset Tetap | <b>62,724</b>     | 2,233,356                          | -                | 1,669,462                          |
| Pendapatan Tertunda             | <b>1,923,015</b>  | 3,134,484                          | -                | -                                  |
|                                 | <b>13,577,848</b> | 15,448,916                         | <b>6,015,773</b> | 5,135,676                          |

Termasuk dalam pelbagai pemiutang dan akruan ialah pemiutang perbelanjaan Baitulmal, zakat, pengurusan akaun pelaburan dan perbelanjaan syarikat milikan Majlis pada tahun semasa.

**22. AMAUN TERHUTANG KEPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

|   | KUMPULAN DAN MAIS |            |
|---|-------------------|------------|
|   | 2006<br>RM        | 2005<br>RM |
| Amaun terhutang kepada Lembaga Zakat Selangor | <b>25,270,000</b> | -          |

Amaun terhutang kepada Lembaga Zakat Selangor merupakan peruntukan agihan zakat bagi sukuan keempat yang dibayar selepas tempoh perakaunan 2006. Agihan tahun 2006 telah pun dibuat oleh Lembaga Zakat Selangor melalui dana pusingan Lembaga Zakat Selangor. Amaun yang ditanggung tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tiada tempoh tetap untuk pembayaran semula.

Lembaga Zakat Selangor (MAIS) diperbadankan pada 2 Oktober 2006 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Lembaga berfungsi sebagai amil bagi pungutan dan agihan zakat di negeri Selangor serta terlibat dalam pemegang pelaburan.

**23. DANA MASJID**

MAIS adalah pemegang amanah tunggal bagi semua masjid di Negeri Selangor mengikut Seksyen 56, Bahagian V Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor, 1989.

**24. PEMBIAYAAN AL-MUSYARAKAH**

Pembiayaan Al-Musyarakah telah dimenterai diantara Bakti Suci Properties Sdn. Bhd. dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan Bank Islam (M) Berhad berjumlah RM5,000,000 melalui konsep perkongsian pembiayaan Projek Pangsapuri di Telok Gadong, Klang, Selangor Darul Ehsan.

## 25. PEMBIAYAAN AL-BAI BITHAMAN AJIL

|  | KUMPULAN         |                  |
|--|------------------|------------------|
|  | 2006             | 2005             |
|  | RM               | RM               |
| Jumlah terhutang:                            |                  |                  |
| - Dalam masa 1 tahun                         | 1,548,074        | 1,544,467        |
| - Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun          | 9,731,511        | 11,610,750       |
| Pemiutang pajakan                            | 11,279,585       | 13,155,217       |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh            | (2,526,460)      | (3,223,016)      |
|  | <b>8,753,125</b> | <b>9,932,201</b> |
| <br>   |                  |                  |
| Bahagian yang perlu dibayar:                 |                  |                  |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun          | 911,469          | 847,911          |
| Pembayaran balik dalam masa 1 hingga 5 tahun | 7,841,656        | 9,084,290        |
|  | <b>8,753,125</b> | <b>9,932,201</b> |

Kadar caj pembiayaan adalah pada 6% hingga 6.3%.

Kemudahan ini telah diterima oleh Bakti Suci Properties Sdn. Bhd. daripada Bank Islam Malaysia Berhad untuk pembelian tiga (3) unit lot kedai dan dua (2) unit kediaman Estana Court, Mukim Ulu Klang, Gombak, Selangor Darul Ehsan. Ansuran bulanan adalah RM7,885 selama 120 bulan atau 10 tahun. Kemudahan ini juga termasuk pinjaman yang diterima oleh Majlis Agama Islam Selangor daripada Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi tujuan membiayai projek pembinaan pangsapuri perkhidmatan dan 39 unit kedai di seksyen 3 Shah Alam.

## 26. PEMBIAYAAN JANGKA PANJANG ATAU KERAJAAN

Pinjaman mudah dari Kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM4,000,000 (2005: RM4,000,000), yang mana pinjaman tersebut tidak dikenakan sebarang faedah. Pinjaman tersebut perlu dibayar dalam tempoh 15 tahun bermula pada tahun 2009.

## 27. GERAN KERAJAAN NEGERI – BERKAITAN ASET

|  | KUMPULAN       |                |
|--|----------------|----------------|
|  | 2006           | 2005           |
|  | RM             | RM             |
| Baki pada 1 Januari                          | 140,000        | 140,000        |
| Pelunasan - dipindah pada penyata pendapatan | (7,000)        | -              |
| Baki pada 31 Disember                        | <b>133,000</b> | <b>140,000</b> |

## 28. PEMIUTANG SEWA BELI

|  | KUMPULAN       |                |
|--|----------------|----------------|
|  | 2006           | 2005           |
|  | RM             | RM             |
| <b>Jumlah terhutang:</b>   |                |                |
| - Dalam masa 1 tahun   | 81,719         | 653,280        |
| - Dalam masa 2 tahun hingga 5 tahun  | 167,682        | 89,826         |
| Pemiutang pajakan  | 249,401        | 743,106        |
| Tolak : Caj Pembiayaan Tertangguh  | (31,872)       | (41,670)       |
|  | <b>217,529</b> | <b>701,436</b> |
| <br>   |                |                |
| <b>Bahagian yang perlu dibayar:</b>  |                |                |
| Pembayaran balik dalam masa 1 tahun<br>(termasuk dalam pelbagai pemiutang) | 68,173         | 556,083        |
| Pembayaran balik dalam masa 1 hingga 5 tahun                               | 149,356        | 145,353        |
|  | <b>217,529</b> | <b>701,436</b> |

## 29. PELARASAN TAHUN LEPAS

Penyata kewangan KUMPULAN telah dinyatakan semula seperti berikut:

|                                       | Seperti<br>dinyatakan<br>terdahulu<br>RM | Pelarasan<br>tahun<br>lepas<br>RM | Seperti<br>dinyatakan<br>semula<br>RM |
|---------------------------------------|--|-----------------------------------|---------------------------------------|
| Pada 31 Disember 2005                 |  |                                   |                                       |
| <b>Lembaran Imbangan</b>              |  |                                   |                                       |
| <b>Aset Semasa</b>                    |  |                                   |                                       |
| Penghutang                            | 10,095,810                               | (714,189)                         | 9,381,621                             |
| Pelbagai Penghutang                   | 3,128,107                                | (2,000)                           | 3,126,107                             |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat   | 1,283,048                                | (1,283,048)                       | 0                                     |
| Wang Tunai di Bank dan di Tangan      | 74,116,192                               | 13,934,041                        | 88,050,233                            |
| Wang Dalam Perjalanan                 | 51,929,278                               | (14,083,051)                      | 37,846,227                            |
| <b>Liabiliti Semasa</b>               |  |                                   |                                       |
| Wang Amanah                           | 903,282                                  | 5,328                             | 908,610                               |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan         | 12,201,528                               | 3,247,388                         | 15,448,916                            |
| Wang Cagaran dan Pertaruhan Utiliti   | 594,544                                  | 6,400                             | 600,944                               |
| Wang Agihan Zakat                     | 7,218,915                                | (7,218,915)                       | 0                                     |
| Pemiutang sewa beli                   | 27,125                                   | (27,125)                          | 0                                     |
| Dana Masjid                           | 413,599                                  | 39,707                            | 453,306                               |
| <b>Kumpulan Wang Majlis</b>           | <b>215,691,633</b>                       | <b>1,798,969</b>                  | <b>217,490,602</b>                    |
| <b>Penyata Pendapatan</b>             |  |                                   |                                       |
| <b>Pendapatan</b>                     |  |                                   |                                       |
| Kumpulan Wang Baitulmal               | 6,087,289                                | 1,213,840                         | 7,301,129                             |
| Kumpulan Wang Wakaf                   | 2,456,246                                | (23,000)                          | 2,433,246                             |
| <b>Perbelanjaan</b>                   |  |                                   |                                       |
| Kumpulan Wang Baitulmal               | 7,972,876                                | 1,545,572                         | 9,518,448                             |
| Kumpulan Wang Wakaf                   | 40,025                                   | 11,455                            | 51,480                                |
| Perbelanjaan Operasi Syarikat Milikan | 32,224,114                               | (150,000)                         | 32,074,114                            |

Penyata kewangan MAIS telah dinyatakan semula seperti berikut:

|                                     | Seperti<br>dinyatakan<br>terdahulu<br>RM | Pelarasan<br>tahun<br>lepas<br>RM | Seperti<br>dinyatakan<br>semula<br>RM |
|-------------------------------------|--|-----------------------------------|---------------------------------------|
| Pada 31 Disember 2005               |  |                                   |                                       |
| <b>Lembaran Imbangan</b>            |  |                                   |                                       |
| <b>Aset Semasa</b>                  |  |                                   |                                       |
| Penghutang                          | 5,001,271                                | (714,189)                         | 4,287,082                             |
| Pelbagai Penghutang                 | 520,989                                  | (2,000)                           | 518,989                               |
| Peruntukan Pendahuluan Agihan Zakat | 15,570,304                               | (753,324)                         | 14,816,980                            |
| Wang Tunai di Bank dan di Tangan    | 49,739,268                               | 5,052                             | 49,744,320                            |
| Wang Dalam Perjalanan               | 51,929,278                               | 6,535,129                         | 58,464,407                            |
| <i>(Bersambung)</i>                 |  |                                   |                                       |

(Sambungan)

|                               | Seperti<br>dinyatakan<br>terdahulu<br>RM | Pelarasan<br>tahun<br>lepas<br>RM | Seperti<br>dinyatakan<br>semula<br>RM |
|-------------------------------|--|-----------------------------------|---------------------------------------|
| <b>Liabiliti Semasa</b>       |  |                                   |                                       |
| Wang Amanah                   | 892,522                                  | 5,328                             | 897,850                               |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | 1,915,413                                | 3,220,263                         | 5,135,676                             |
| Wang Deposit dan Pendahuluan  | 594,544                                  | 6,400                             | 600,944                               |
| Dana Masjid                   | 413,599                                  | 39,707                            | 453,306                               |
| <b>Kumpulan Wang Majlis</b>   | <b>208,232,329</b>                       | 1,798,969                         | <b>210,031,298</b>                    |
| <b>Penyata Pendapatan</b>     |  |                                   |                                       |
| <b>Pendapatan</b>             |  |                                   |                                       |
| Kumpulan Wang Baitulmal       | 6,302,345                                | 1,363,840                         | 7,666,185                             |
| Kumpulan Wang Wakaf           | 2,456,246                                | (23,000)                          | 2,433,246                             |
| <b>Perbelanjaan</b>           |  |                                   |                                       |
| Kumpulan Wang Baitulmal       | 8,187,932                                | 1,545,572                         | 9,733,504                             |
| Kumpulan Wang Wakaf           | 40,025                                   | 11,455                            | 51,480                                |

### 30. PENGKELASAN SEMULA KUMPULAN WANG TERKUMPUL

Pengkelasan semula telah dibuat melibatkan kumpulan wang terkumpul zakat, kumpulan wang terkumpul Baitulmal serta kumpulan wang terkumpul Wakaf/Amanah/Dana Masjid.

| MAIS                                | Lebihan<br>Terkumpul<br>Baitulmal | Lebihan<br>Terkumpul<br>Zakat | Lebihan<br>Terkumpul<br>Wakaf/Amanah/<br>Dana Masjid | Kumpulan<br>Wang<br>Majlis |
|-------------------------------------|-----------------------------------|-------------------------------|--|----------------------------|
|                                     | RM                                | RM                            | RM   | RM                         |
| Seperti di laporkan pada 31.12.2005 | 72,787,763                        | 123,566,235                   | 11,878,331   | 208,232,329                |
| Seperti Lembaran Imbangan           | 81,722,874                        | 119,688,698                   | 6,820,757  | 208,232,329                |
| Amaun (terlebih)/terkurang catat    | 8,935,111                         | (3,877,537)                   | (5,057,574)  | 0                          |

### 31. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH

|                                   | KUMPULAN           |             | MAIS               |             |
|-----------------------------------|--------------------|-------------|--------------------|-------------|
|                                   | 2006<br>RM         | 2005<br>RM  | 2006<br>RM         | 2005<br>RM  |
| Deposit dengan Bank-Bank Berlesen | 21,840,847         | 19,272,037  | 19,676,072         | 15,000,000  |
| Tunai di Bank dan Tunai di Tangan | 72,581,651         | 67,432,053  | 65,208,191         | 46,744,320  |
| Wang Deposit dan Jaminan Bank     | 109,140            | 109,140     | -                  | -           |
| Wang Dalam Perjalanan             | 76,687,532         | 58,464,407  | 76,687,532         | 58,464,407  |
|                                   | <b>171,219,170</b> | 145,277,637 | <b>161,571,795</b> | 120,208,727 |

## **32. KEPENTINGAN MINORITI**

Kepentingan minoriti merupakan sejumlah amaun boleh dituntut oleh pihak ketiga ke atas pegangan ekuiti di dalam sesebuah syarikat.

## **33. ANGKA PERBANDINGAN PENYATA AKAUN DISATUKAN**

Angka perbandingan bagi Penyata Akaun yang disatukan antara Majlis dan syarikat milikan dalam kumpulan telah direklasifikasikan untuk pengesahan supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

# LAPORAN **OPERASI**



Tahun 2006 bererti Majlis Agama Islam Selangor sudah dua tahun berada dalam bentuk organisasi. Banyak penambah baikkan telah dilaksanakan daripada misi memperkasakan MAIS sebagai sebuah organisasi yang mempunyai budaya tadbir urus cekap dan berkesan dari segi pengurusan kewangan, program pembangunan hartanah sehinggalah memperkukuhkan institusi wakaf dan zakat dalam menyalurkan segala bantuan dan keperluan kepada masyarakat Islam amnya.

Kesungguhan MAIS dalam misi pemantapan organisasi memperlihatkan penstrukturan semula struktur korporatnya. Beberapa bahagian baru telah diwujudkan iaitu Bahagian Pembangunan Korporat, Bahagian Perhubungan Awam, Bahagian Pembangunan Insan, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Di samping itu dua bahagian lagi telah dijenamakan semula berikutan pertambahan beberapa unit baru kepada bahagian-bahagian tersebut iaitu Bahagian Baitulmal yang dahulu dikenali sebagai unit kewangan dan Bahagian Mal sebelum ini dikenali sebagai unit Sumber Am.

Justeru itu dalam memperkukuhkan lagi kecemerlangan pengurusan organisasi, Majlis Agama Islam Selangor selaku suatu pertubuhan perbadanan kekal turun temurun yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) dan subseksyen 5(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) telah memberi perhatian khusus kepada pelaksanaan wakaf dan wasiat serta pengurusan insaniah sebagai satu agenda ummah.

## OPERASI PENERANGAN WAKAF DAN KUTIPAN

Bermula tahun 2002 pelancaran secara besar-besaran saham wakaf Selangor telah memberi alternatif baru khususnya kepada umat Islam untuk berwakaf melalui wang tunai dan hasilnya bagi program pembangunan masyarakat Islam amnya. Sehubungan dengan itu pelbagai usaha giat sedang dan telah digerakkan bagi mengenal pasti serta merancang pembangunan wakaf antaranya promosi program penerangan dan kutipan bergerak, promosi jaringan kerja wakaf serta mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor bagi meningkatkan lagi mutu pengurusan harta wakaf MAIS.

### Promosi Program Penerangan Dan Kutipan Bergerak

Bagi menambah dan menggalakkan lagi penyertaan Saham Wakaf Selangor, pelaksanaan dalam memperluaskan penyertaan wakaf bukan sahaja daripada risalah-risalah yang telah diedarkan malahan turut mempromosikan program penerangan wakaf serta membuka kaunter-kaunter penyertaan di masjid-masjid, pejabat-pejabat Agama Islam Daerah Selangor dan badan-badan kerajaan antaranya :

1. Forum Perdana Ehwat Islam sempena bulan wakaf di Surau Al-Hidayah, saujana Utama 1, Sg. Buluh.
2. Program taklimat Saham Wakaf Selangor di Pejabat Tanah Gombak.

3. Kaunter bergerak Unit Wakaf Daerah sempena Forum Perdana Islam Bulan Wakaf Negeri Selangor 2006 di Masjid Jamik Al-Amaniah, Batu Caves.
4. Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor sempena Seminar Poligami Siri – 2 di Kelab Darul Ehsan, Taman TAR, Ampang.
5. Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor sempena Program Dialog Kemerdekaan Daerah Gombak di Dataran Pejabat Parlimen Gombak, Taman Melawati.
6. Majlis Makan Malam sempena perasmian Bulan Wakaf Negeri Selangor 1427H yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir Bin Toyo bertempat di Hotel Holiday Inn Glenmarie, Shah Alam.

### Promosi Pemantapan dan Jaringan Kerja Wakaf

Dalam melancarkan gerak kerja serta menambahkan penyertaan saham wakaf di kalangan masyarakat Islam beberapa jaringan kerja dengan badan-badan kerajaan, institusi pengajian tinggi serta NGO turut dilaksanakan. Hasrat MAIS adalah memberi pemahaman serta keyakinan kepada masyarakat terhadap keupayaan sebenar institusi wakaf sebagai penggerak ekonomi sekali gus memartabatkan pembangunan ummah. Antara jaringan kerja yang telah dilaksanakan :

1. Slot promosi Saham Wakaf Selangor di Stesen Radio IKIM oleh Y. Bhg. Tuan Hj. Nik Mustapha bin Nik Hassan, Timbalan Ketua Pengarah IKIM selaku ahli Jawatankuasa Pengurusan Wakaf bersama Ustaz Suhaimi bin Ismail wakil dari Majlis Agama Islam Selangor.
2. Kerjasama MAIS bersama Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd dalam pelaksanaan operasi Klinik Wakaf An Nur di Sg. Buluh.
3. Jabatan Zakat Wakaf dan Haji memberi suntikan 12 juta dalam RMK-9 bagi pelan pembangunan wakaf.
4. Lawatan mahabbah dalam meningkatkan mutu kerja wakaf ke beberapa Majlis Agama Islam Negeri iaitu Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Terengganu, Majlis Agama Islam Johor dan Majlis Agama Islam Melaka.
5. Galakkan potongan gaji RM 2 oleh kakitangan kerajaan telah diputuskan dalam Persidangan Multaqa' Sultan Sarafuddin Idris Shah menggalakkan kakitangan kerajaan Negeri Selangor untuk menyertai Saham Wakaf Selangor melalui skim potongan gaji.
6. Mengadakan kerjasama dengan Unit Perundangan Keluarga, Unit Dakwah dan Unit Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor di kursus-kursus kahwin yang diadakan mengenai penerangan wakaf.
7. Institusi keagamaan seperti masjid di seluruh negeri Selangor digunakan sepenuhnya bagi mempromosi dan menerangkan konsep dan pelaksanaan Saham Wakaf Selangor kepada umum melalui bacaan khutbah khas berkenaan wakaf.

### Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor

Bagi melancarkan serta meningkatkan lagi mutu pengurusan

# PENYERTAAN SAHAM WAKAF SELANGOR DITERIMA DISINI

## Jaminan Bekalan Akhirat Anda

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah S.A.W. bersabda :  
"Apabila meninggal seorang anak adam,  
maka terputuslah segala amalannya kecuali  
tiga perkara iaitu ; SEDEKAH JARIAH,  
ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh  
yang mendoakannya".

*"Sekali menyumbang,  
pahala berkekalan"*



wakaf di Negeri Selangor suatu Jawatankuasa Pengurusan Wakaf telah ditubuhkan selaras dengan Mesyuarat MAIS Bil 1/2000 dan di sokong kewujudannya selaras dengan kekuatan Enakmen Wakaf (negeri Selangor) 1999 seksyen 21, 22 dan 24 yang bertindak sebagai kawalan dalaman segala perjalanan urusan wakaf di Negeri Selangor.

Berdasarkan seksyen 21 menyebut :

Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang akan mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubung dengan wakaf di Negeri Selangor.

Seksyen 24, menjelaskan kuasa-kuasa Jawatankuasa Pengurusan Wakaf .

Jawatankuasa Pengurusan Wakaf hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut :

- (a) untuk menjalankan apa-apa arahan, dasar, ketetapan dan keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung dengan apa-apa mawqaf;
- (b) untuk mengawal selia, mengatur, mengurus dan mentadbir mawqaf;
- (c) untuk membangun, memaju dan meningkatkan mawqaf;
- (d) Untuk mentadbir Kumpulan Wang wakaf; dan
- (e) Untuk menjalankan apa-apa kuasa lain atau fungsi yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari masa ke semasa.

## PERBELANJAAN WAKAF

Sejak Saham Wakaf Selangor diperkenalkan pada tahun 2002 sehingga kini, sebanyak RM 9.4 juta telah dibelanjakan bagi mewujudkan ikon-ikon wakaf. Antaranya ialah RM 1.05 juta bagi tujuan pembelian lima lot kedai di Bandar Bukit Puchong, RM 8 juta bagi tujuan pembinaan Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Kelana Jaya dan RM 350 ribu bagi tujuan baik pulih Masjid Kunci Air Buang, Tanjung Karang Kuala Selangor. Majlis Agama Islam Selangor sedang dalam usaha membina sebuah lagi ikon wakaf iaitu sebuah perpustakaan di Kolej Universiti Islam Selangor yang akan menelan belanja sebanyak 13.3 juta.

## OPERASI PELAKSANAAN WASIAT DAN AMANAH

Perkhidmatan Pengurusan Wasiat MAIS telah dilancarkan pada 23 Ogos 2006 sempena Perasmian Bulan Wakaf Selangor 2006 oleh Y.A.B Dato' Seri Dr Mohamad Khir BinToyo, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Hotel Holiday Inn, Glenmarie Shah Alam, Selangor. Objektif pelaksanaan wasiat dan amanah ini adalah bertujuan untuk memberi ruang kepada seluruh umat Islam di Negeri Selangor yang memiliki harta, diurus dan diagihkan harta tersebut sebaik mungkin oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Pelaksanaan wasiat dan amanah secara Islam ini juga adalah sebagai alternatif kepada umat Islam yang tidak mempunyai waris namun masih boleh mengagihkan hartanya kepada sesiapa yang dikehendakinya seperti anak angkat dan badan

kebajikan yang memerlukan. Justeru itu bagi memperlihatkan kesungguhan MAIS dalam pelaksanaan pengurusan wasiat dan amanah orang Islam Majlis Agama Islam Selangor; beberapa strategi telah disusun iaitu mewujudkan Kaedah-Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor) serta mengadakan program-program taklimat wasiat di setiap daerah.

## Kaedah – Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor)

Bagi memantapkan lagi pengurusan wasiat yang dijalankan oleh Unit Wasiat Majlis Agama Islam Selangor suatu kaedah-kaedah telah diwujudkan iaitu Kaedah – Kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor)2006 berdasarkan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat MAIS Bil.02/2006. Kesinambungan dalam mewujudkan kaedah-kaedah pengurusan wasiat ini adalah bagi melaksanakan kewajipan MAIS sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sekali gus membantu umat Islam mengagihkan harta secara adil dan saksama walaupun bukan waris melalui pengurusan wasiat orang Islam.

## Promosi Program Taklimat Wasiat

Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam memperkukuhkan Pengurusan Wasiat Orang Islam (Selangor).Justeru itu sepanjang tahun 2006 banyak program-program promosi diadakan daripada taklimat wasiat, edaran risalah-risalah edisi khas wasiat dan amanah MAIS, hebahan di radio-radio, mengadakan pameran dan ceramah di lebih 20 buah agensi kerajaan dan swasta sehinggalah memasukkan maklumat wasiat ke dalam laman web dan majalah MAIS. Antara program-program promosi yang telah diadakan:

1. Pameran Perkhidmatan Wasiat Orang Islam MAIS sempena Konvensyen Wakaf Peringkat Kebangsaan di Hotel Legend Kuala Lumpur.
2. Pameran informasi berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan wasiat yang diadakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.
3. Pembukaan kaunter dan ceramah wasiat di Institut Kemahiran Yayasan Selangor; Pejabat Daerah Gombak dan Persatuan Pesara UITM di Intekma.
4. Menganjurkan ceramah khas berhubung Wasiat Orang Islam MAIS bagi kakitangan di Bangunan Sultan Idris Shah pada 22 Disember 2006.
5. Mewujudkan bengkel pembacaan dan penambahbaikan draf Prosedur Amanah Hibah bersama Bahagian Audit, Baitumal, Pembangunan Koprat dan Undang-Undang.
6. Hebahan berkenaan wasiat dan amanah telah disiarkan di Radio Malaysia Selangor.

## DAKWAH DAN KAUNTER PENERANGAN ISLAM

Dalam memperkatakan aspek kecemerlangan dalam pengurusan berkaitan muafak Bahagian Pembangunan Insan di bawah kawal selia Majlis Agama Islam Selangor telah ditubuhkan. Dengan visi dan misi untuk memberi segala



bentuk bantuan dan bimbingan kepada saudara kita dan melahirkan masyarakat saudara baru yang menghayati dan komited terhadap ajaran Islam diharapkan mampu memberi sumbangan yang berkesan dalam meningkatkan dakwah kepada mualaf dan menjaga kebajikan saudara kita (mualaf) di negeri Selangor ini. Dalam memantapkan lagi operasi dakwah saudara kita tiga unit telah ditubuhkan iaitu Unit Dakwah Saudara Kita, Unit Dakwah Global dan Unit Hal Ehwal Islam. Di bawah unit-unit ini pelbagai aktiviti telah dirancang dan diperincikan seperti berikut :

### Program Ziarah Ukhwah

Objektif bagi program ini adalah mengenal pasti dan mengambil tindakan menyusun strategi dakwah di tempat yang dianggap berpotensi menerima dakwah Islamiah dan memberi gambaran yang jelas kepada non muslim berkaitan agama Islam secara berhikmah di samping melakukan ziarah khidmat masyarakat. Berikut adalah antara program ziarah yang telah dilaksanakan:

1. Secara keseluruhan pada tahun 2006 sebanyak 16 kes hasil daripada ziarah wad telah dilaksanakan di mana pesakit memohon untuk mengajar cara menunaikan ibadah ketika sakit dan panduan mengambil wudu' ketika sakit di samping membimbing pesakit-pesakit nazak dengan memberi penerangan kepada waris.
2. Ziarah khidmat masyarakat ke Pulau Ketam bersama NGO Islam yang melibatkan 300 orang sukarelawan. Dalam program ziarah dakwah, kesemua sukarelawan ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk aktiviti ziarah dari rumah ke rumah bagi mengenal pasti golongan yang kurang berkemampuan tanpa mengira agama. Golongan yang dikenal pasti ini akan diberi bantuan seperti beras dan wang tunai. Manakala, bagi program khidmat masyarakat pula, antara aktiviti yang dianjurkan ialah perkhidmatan kesihatan percuma di mana para penduduk Pulau Ketam ini diberi peluang memeriksa mata, mengenal pasti tahap kolesterol dalam darah, pemeriksaan gigi dan sebagainya.
3. Program Ramah Mesra Bersama Orang Asli telah diadakan di Ulu Kuang, Gombak. Program selama 3 hari dengan kerjasama Unit pengurusan Dakwah Daerah Gombak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) ini menyenaraikan beberapa aktiviti utama antara program ziarah ke rumah penduduk kampung, majlis penyerahan anak angkat, gotong-royong serta program riadah dan tazkirah.

### Kaunter Penerangan dan Pameran

Bertempat di pusat-pusat yang menjadi tumpuan masyarakat seperti pusat membeli belah dan pusat pengajian tinggi bertujuan memberi penerangan yang jelas berkaitan agama Islam secara hikmah dalam meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat umum khususnya. Penerangan ini disertai oleh 5 ke 10 orang petugas bagi setiap program dan dilaksanakan setiap enam kali setahun. Petugas-petugas yang terlibat adalah di kalangan pendakwah yang dilatih melalui Bengkel Dakwah Profesional. Di samping itu juga diadakan

pameran berkaitan wakaf dan zakat untuk pengetahuan umum di samping mempromosikan produk mereka.

### Bengkel Dakwah

Dalam mengukuhkan lagi program dakwah yang berkesan beberapa bengkel dakwah telah diadakan dengan tujuan strategi-strategi dakwah yang telah dilaksanakan dapat dilaksanakan dengan bijaksana. Bengkel dakwah ini pada kebiasaan diadakan dengan kerjasama badan-badan sukarelawan Islam dalam lingkungan 30 hingga 40 orang peserta. Peserta-peserta akan didedahkan dengan praktikal-praktikal dakwah, metodologi dakwah baik dalam bentuk ceramah mahupun pembentangan modul oleh penceramah. Beberapa bengkel yang telah dilaksanakan iaitu Bengkel Dakwah Profesional Siri 1/2/3 serta Bengkel Penyelidikan Dakwah dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Selangor.

### Simposium Pemerksaan Dakwah Negeri Selangor

Simposium ini telah diadakan di Hotel Grand Bluewave pada 21-22 November 2006 bersamaan 29 Syawal – 1 Zulkaedah 1427H. Antara objektif diadakan simposium ini adalah bertujuan mewujudkan keselarasan dan gagasan pemikiran pendakwah ke arah pelaksanaan tanggungjawab dalam pemerksaan dakwah negeri Selangor khususnya. Hasilnya segala pandangan serta pengalaman golongan yang bergiat aktif dalam arena dakwah dapat di ambil dan dimanfaatkan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung daripada pelbagai sektor dan peringkat seperti agensi kerajaan, swasta mahupun badan-badan sukarelawan, sekali gus mengaktifkan serta mengkoordinasi jaringan gerak kerja dakwah yang mantap dalam satu frame yang disepakati.

### Kursus Perkaderan Dakwah

Kursus ini telah di laksanakan pada 12, 13 dan 14 Mei 2006 di Nur Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Pesertanya adalah terdiri daripada 30 hingga 40 pendakwah di kalangan saudara baru. Selaras dengan peranan MAIS dalam pengisian dakwah di Selangor maka objektif kursus ini adalah bagi melahirkan pendakwah di kalangan saudara baru yang mampu berdakwah kepada non muslim seterusnya menyelesaikan kegiatan dakwah non muslim dengan badan-badan dakwah Islam Negeri Selangor. Di samping dapat mengadakan penyelarasan serta perbincangan mengenai aktiviti dakwah yang akan dilaksanakan oleh badan-badan sukarelawan kepada non muslim Negeri Selangor.

### MAJLIS MENGHADAP SULTAN OLEH BAKAL-BAKAL HAJI 1427H

Pada tahun 2006 ini juga Majlis Agama Islam Selangor telah meraikan bakal-bakal haji yang menerima pembiayaan dari DYMM Sultan Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Kerajaan Negeri Selangor bertempat di Istana Alam Shah, Klang. Kesemua bakal-bakal haji yang terdiri daripada 4 orang tajaan DYMM Sultan Selangor, 19 orang tajaan Kerajaan Negeri Selangor dan 10 orang tajaan MAIS ini diberi penghargaan penajaan menunaikan haji ke tanah suci Mekah bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka yang komited



Majlis Agihan Sumbangan Hari Raya Anak Yatim Bersama Sultan.

dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Sepuluh orang bakal haji tajaan MAIS bagi tahun 2006 ini terdiri daripada :

1. Imam – 5 orang daripada beberapa buah masjid yang terpilih iaitu Masjid Marzuki Sabak Bernam, Masjid At Taufiqiah Hulu Selangor; Masjid Tun Abdul Aziz Petaling Jaya, Masjid Nurul Iman Sepang dan Masjid Al-Muttaqin Kuala Langat.
2. Nazir – 2 orang iaitu daripada Masjid Kg Kuala Perdik Hulu Langat dan Masjid Jamiul Redzuan Klang.
3. Bilal – Seorang iaitu daripada Masjid Al-Khairiah AU 3-Gombak.
4. Siak – Seorang Masjid Sultan Hisamuddin Kuala Selangor.
5. Setiap seorang wakil kakitangan MAIS, JAIS, JAKESS dan Jabatan Mufti.

Diharapkan dengan adanya program penajaan bakal-bakal haji seumpama ini, akan dapat meniup semangat warga kerja negeri Selangor untuk lebih berdaya saing dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberi.

### SISTEM DATA TANAH MAIS

Seksyen Pembangunan Sistem di bawah unit sistem maklumat telah membangunkan sebuah sistem dikenali sebagai Sistem Data Tanah MAIS. Membangunkan Sistem Data Tanah (SISDATA) MAIS iaitu sebuah perisian aplikasi yang berfungsi menyimpan dan menjana laporan berkenaan tanah-tanah kepunyaan MAIS. Tanah tersebut meliputi tanah faraid, wakaf, belian dan tanah kurnia. Sistem ini dibangunkan secara rangkaian yang menghubungkan Bahagian MAL, Pembangunan Hartanah serta Korporat MAIS. Laporan janaan SISDATA ini meliputi carta keluasan tanah, senarai tanah mengikut daerah serta laporan eksekutif yang mengandungi jumlah cukai serta premium yang perlu di bayar oleh MAIS. Sistem ini telah berjaya di siapkan pada 15 Jun 2006 dan mengalami penambah baikkan dari masa ke semasa untuk memastikan ia mudah dan selamat digunakan.

### PEMBANGUNAN KORPORAT

Pelan Rancangan Pembangunan Bahagian Pembangunan Korporat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) diwujudkan bagi menghuraikan dasar, strategi, kaedah pelaksanaan dan sasaran bagi sumber-sumber yang dipunyai MAIS seperti hartanah yang mempunyai nilai komersial, wakaf, wasiat, faraid dan sebagainya. Oleh sebab itu, bahagian ini memerlukan ruang masa untuk mengkaji keperluan, permintaan dan trend semasa masyarakat dan pasaran dalam usaha membuat perancangan pembangunan sama ada di dalam perancangan pertanian, produk atau perkhidmatan. Justeru itu pada tahun 2006, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti kajian dan cadangan pembangunan ekonomi yang telah dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Korporat. Kajian dan cadangan pembangunan ekonomi yang dijalankan ini adalah merangkumi projek-projek usaha sama, permohonan sewaan dan pajakan hartanah, kajian pemasaran dan kesesuaian dan kajian/cadangan pembangunan hartanah milik Majlis Agama Islam Selangor.

Sehubungan dengan ini, beberapa cadangan projek usaha sama sedang dirancang antaranya Projek Usaha Sama Pusat Penjualan dan Pemprosesan Ayam dan Projek Usaha Sama Ternakan Kambing Secara Integrasi. Kedua-dua projek usaha sama ini telah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan MAIS dan sokongan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Dato Menteri Besar Selangor bagi membantu memantapkan dan memperkukuhkan lagi ekonomi MAIS.

### PEMBANGUNAN HARTANAH

Sejajar dengan perkembangan yang positif di dalam pembangunan hartanah, pihak MAIS juga turut mengambil inisiatif dan mengorak langkah dalam membangunkan tanah yang berpotensi secara usaha sama dengan syarikat swasta. Salah satu projek usaha sama ini telah dimajukan oleh Imatex Berhad (anak syarikat DRB Hicom) di sebahagian lot 23787, Tropicana di Petaling Jaya, serta majlis pelancaran rasmi projek ini telah disempurnakan oleh Y.A.D. Dato' Setia Hj Mohammad adzib bin Mohd Isa, Pengerusi MAIS. Projek tersebut dikenali sebagai 'Mutiara Tropicana' yang mengandungi komponen pembangunan seperti berikut iaitu rumah teres, kedai pejabat dan rumah bandar. Pembangunan projek tersebut dilaksanakan secara 2 fasa iaitu :

- i) Fasa 1 – Rumah teres 2 ½ tingkat, rumah bandar 1 ½ tingkat dan kedai pejabat
- ii) Fasa 2 – Rumah bandar 1 ½ tingkat

Bagi pembangunan Fasa 1, pihak pemaju telah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan yang bermula memiliki tanah telah dibuat dan tarikh serah tapak iaitu pada 27 Mei 2006. Kerja-kerja ditapak pembinaan telah mencapai 75% dan projek tersebut dijangka akan siap pada Disember 2007. Manakala pembangunan Fasa 2, pula akan dimulakan setelah pembangunan Fasa 1 siap dan dijangka mengambil masa 1 tahun.

Mutiara Tropicana adalah kawasan perumahan yang terletak di kawasan yang elit dan moden serta terdapat Kelab Golf Tropicana berhampiran dengan perumahan ini. Selain daripada itu, terdapat sekolah rendah, pasar raya mega One Utama Bandar Utama dengan kemudahan lebuh raya berhampiran yang pantas dan selesa.

### AUDITAN MASJID

Bahagian Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan Penyata Kewangan Masjid bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 terhadap masjid-masjid di seluruh Selangor yang dipilih secara rawak. Objektif pengauditan adalah bertujuan:

- i. Memastikan penyata kewangan masjid di selenggara dengan baik dan telus.
- ii. Memastikan urusan keluar masuk dana masjid di rekod dan disimpan dengan baik.
- iii. Memastikan semua perbelanjaan dan terimaan masjid adalah mengikut prosedur-prosedur dan garis panduan yang di guna pakai.

Projek rumah kedai di Mutiara Tropicana.



Masjid-masjid yang terpilih untuk di audit adalah seperti berikut:

- i. Masjid Nurul Yaqin, Kelana Jaya
- ii. Masjid Jamek Kg. Nakhoda Batu Caves
- iii. Masjid Al-Sharif, Banting
- iv. Masjid Al-Taqwa, Kg Bukit Kapar
- v. Masjid Sg. Gulang-Gulang, Tanjung Karang
- vi. Masjid Ar-Rahman, Sg Pinang, Pulau Indah
- vii. Masjid An-Nur, Kampung Melayu Subang
- viii. Masjid Al-Hidayah, Taman Melawati

Hasil dari pengauditan yang dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam MAIS bersama bahagian Pengurusan Masjid dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Muhammad Nor Bin Ali telah mengemas kini prosedur-prosedur kewangan masjid yang di guna pakai sejak tahun 1990 dan telah digantikan dengan Garis Panduan Urusan Kewangan Masjid Dan Surau Negeri Selangor yang dikuatkuasakan penggunaannya mulai 22 Jun 2006. Sesi taklimat dan penerangan berkaitan Garis Panduan tersebut sedang diberi kepada semua pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid Dan Surau dengan kerjasama Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).

### JAWATANKUASA TETAP MAIS

Dalam merancang, mengendalikan dan memantau hal ehwal di negeri Selangor, penubuhan jawatankuasa MAIS telah dibentuk. Bermula pada awal penubuhan MAIS hanya 9 jawatankuasa sahaja yang terlibat dan kini MAIS mempunyai 16 jawatankuasa tetap yang bertindak bagi memastikan kesejahteraan umat Islam. Jawatankuasa tetap MAIS ini melibatkan keputusan-keputusan yang berkaitan kewangan, dakwah, pengesahan halal, pendidikan, undang-undang, wakaf, pelaburan fatwa sehingga pengawalan akidah. Berikut adalah senarai jawatankuasa tetap MAIS sehingga tahun 2006.

1. Jawatankuasa Baitumal
2. Jawatankuasa Pelaburan
3. Jawatankuasa Sumber Manusia
4. Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor
5. Jawatankuasa Audit
6. Jawatankuasa Tauliah
7. Jawatankuasa Pendidikan Islam
8. Jawatankuasa Undang-Undang
9. Jawatankuasa Kariah
10. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf
11. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. Jawatankuasa Pengawalan Akidah
13. Jawatankuasa Tatatertib
14. Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tatatertib
15. Jawatankuasa Pengesahan Halal Negeri Selangor
16. Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah

### SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA TETAP MAIS

#### Ahli Jawatankuasa Sumber Manusia (MAIS)

PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa

AHLI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.A.D Dato' Seri Indah Diraja Dato' Haji Abu Bakar Bin Haji Abdul Hamid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Zaleha Bt. Kamaruddin  
 : Tuan Haji Jalil Bin Marzuki  
 : Y.Bhg. Datin Noorhayati Bt. Ismail  
 : Tuan Haji Kamarulzaman Bin Jamil  
 : Puan Hajah Siti Normah Bt. Haji Mohd Baki

#### Ahli Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah

PENGERUSI : Y.A.A Dato' Haji Mohd Zohdi Bin Haji Toha

AHLI : Y.B Datuk Zauyah Be Bt. Loth Khan  
 : Tuan Haji Abu Bakar Bin Haji Mohd Daud  
 : Y.A Tuan Haji Saarani Bin Ismail  
 : Y.A.A Dato' Haji Muhammad Asri Bin Haji Abdullah  
 : Puan Zuraidah Bt Ayob  
 : Tuan Haji Zainul Rijal Bin Abu Bakar

#### Ahli Jawatankuasa Audit (MAIS)

PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa

AHLI : Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Nor Bin Ali  
 : Y.Bhg. Datuk Haji Sarip Bin Hamid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Puan Siti Fatimah Bt. Jalal

#### Ahli Jawatankuasa Pelaburan

PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Bin Mohd Isa

AHLI : Y.B Dato' Dr Amran Bin Kasimin  
 : Y.B Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman  
 : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.A.D Dato' Seri Indah Diraja  
 : Dato' Haji Abu Bakar Bin Haji Absul Hamid  
 : Y.Bhg. Datuk Haji Sarip Bin Hamid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi

Masjid Tunku Kelana Jaya Petra masjid wakaf dengan kos pembinaan 8 juta.



**Ahli Jawatankuasa Baitulmal (MAIS)**

PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Bin Mohd Isa

AHLI : Y.B Dato' Dr Amran Bin Kasimin  
 : Y.B Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman  
 : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.A.D Dato' Seri Indah Diraja  
 : Dato' Haji Abu Bakar Bin Haji Abdul Hamid  
 : Y.Bhg. Datuk Haji Sarip Bin Hamid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi

**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**

PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid

AHLI : Y.Bhg. Dato' Abdul Majid Bin Omar  
 : Y.B Datuk Zauyah Be. Bt.T.Loht Khan  
 : Y.Bhg. Prof. Dr. Zaleha Bt Kamaruddin  
 : Y.B Dato' Dr Amran Bin Kasimin  
 : Y.Bhg. Tuan Haji Aluwi Bin Parman  
 : Y.Bhg. Tuan Haji Othman Bin Hamzah  
 : Y.Bhg. Prof. Madya Md. Saleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad  
 : Y.Bhg. Tuan Haji Abdul Aziz Bin Andik Achok  
 : Y.Bhg. Dr. Zaidun Bin Kamari  
 : Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mohktar Bin Haji Shafii

**Ahli Jawatankuasa Kariah**

PENGERUSI : Y.B Dato' Haji Abd Rahman Bin Haji Palil

AHLI : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid  
 : Y.A.D Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj Bin Tengku Shahrudin Shah Alhaj  
 : Y.Bhg. Dato' Khalid Bin Abu Bakar  
 : Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

**Ahli Jawatankuasa Pendidikan Islam MAIS**

PENGERUSI : Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Adanan Bin Isman

AHLI : Y.A.D Dato' Seri Indah Diraja  
 : Dato' Haji Abu Bakar Bin Haji Abdul Hamid  
 : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi

: Y.Bhg. Dr. Abdul Halim Bin Tamuri  
 : Y.Bhg. Dr. Mohd Sood Bin Mohamad  
 : Y.Bhg. Dr. Mujaini Bin Tarimin  
 : Tuan Haji Ali Bin Mohamed  
 : Tuan Haji Amin Bin Mohd Rashid  
 : Tuan Haji Saibudin Bin Ahmad  
 : Y.Bhg. Prof. Dr Zaleha Bt. Kamaruddin  
 : En. Supangan Bin Sardomo  
 : Y.B Dato' Haji Abdul Wahab Bin Haji Ibrahim  
 : Y.B Dato' Mohamed Sayuti Bin Said

**Ahli Jawatankuasa Tauliah**

PENGERUSI : Y.B Datuk Zauyah Be Bt.T.Loht Khan

AHLI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid  
 : Y.Bhg. Dato' Khalid Bin Abu Bakar  
 : Y.B Dato' Dr. Amran Bin Kasimin  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Tuan Haji Mokhyi Bin Haji Mohd Omar  
 : Tuan Haji Othman Bin Mustapha  
 : Tuan Haji Aluwi Bin Parman

**Ahli Jawatankuasa Pengesahan Halal Negeri Selangor**

PENGERUSI : Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar

AHLI : Y.Bhg. Dr. Zainal Bin Samicho  
 : Y.Bhg. Dr. Fuziah Bt Hashim  
 : Y.Bhg. Prof Dr. Yaakob Bin Che Man  
 : Y.Bhg. Tuan Haji Othman Bin Hamzah  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Y.Bhg. Dr. Abibin Bin Hamid  
 : Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor Darul Ehsan  
 : Pengarah Bahagian Penguatkuasaan  
 : Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan

**Ahli Jawatankuasa Pengurusan Wakaf (MAIS)**

PENGERUSI : Y.Bhg. Dato Aidit Bin Ghazali

AHLI : Y.B Datuk Zauyah Be Bt.T.Loht Khan  
 : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Tuan Abd. Nasir Bin Hassan  
 : Y.Bhg. Datuk Haji Sarip Bin Hamid  
 : Y.Bhg. Tuan Haji Nik Mustapha Bin Nik Hasan  
 : Tuan Haji Tarmizi Bin Mohd Saad  
 : Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ismail Bin Mohd @ Abu Hasan

Masjid An Nur Kg Kunci Air Buang, kos projek baikpulih yang menggunakan dana wakaf berjumlah RM 350 ribu.



**Ahli Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor**

- PENGERUSI : Y.A.D Dato' Setia Haji Mohammad Adzib Bin Mohd Isa
- AHLI : Y.B Dato Dr. Amran Bin Kasimin  
 : Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd Wahid  
 : Y.B Dato' Haji Abd. Rahman Bin Haji Palil  
 : Y.Bhg. Dato' Khalid Bin Abu Bakar  
 : Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Orang Asli Selangor  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Adanan Bin Isman  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi  
 : Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Kamal Bin Hassan (Mantan Ahli MAIS)  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Talha Bin Andul Rahman  
 : Haji Abdul Latif Satharan Bin Abdullah  
 : Pemangku Presiden Darul Fitrah  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mustapha Ma  
 : Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yasin Bin Haji Taib  
 : Encik Jamarul Khan Bin M.S Kadir

**Pegawai Tadbir Agama (PTA)**

- : Al Fadhil Ustaz Abd. Malek Bin Ramli  
 : Al Fadhil Ustaz Abdul Rahim Bin Salleh  
 : Al Fadhil Ustaz Haji Hadri Bin Idris  
 : Al- Fadhil Ustaz Abd. Halim Bin Mat Esa  
 : Al- Fadhil Ustaz Haji Hanifuddin Bin Roslan  
 : Al Fadhil Ustaz Haji Idris Bin Ramli  
 : Al Fadhil Ustaz Haji Mohd Amin Bin Husin  
 : Al- Fadhil Ustaz Haji Mohd Nawawi Bin Abu Bakar  
 : Al Fadhil Ustaz Daim Bin Haji Jajuli

**Badan-badan NGO'S**

- : Tuan Haji Milatu Samsi Bin Haji Hasan  
 : Y.Bhg. Dr. Nawawi Bin Jusoh  
 : En. Mohd Yusoff Haniffa  
 : Puan Aizar Bt Md Jaman  
 : En. Aizuddin Bin Nuruddin  
 : En. Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni  
 : Ustazah Hajah Hindon Bt. Abdullah  
 : Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Selangor

**Orang Besar Daerah (OBD)**

- : Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Gombak  
 Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa'Wan Teh
- : Y.D.H. Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat  
 Dato' Abdul Rani Bin Dato' Shamsuddin
- : Y.D.H. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor  
 Haji Aman Shah Bin Mohd Shahar
- : Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang  
 Dato' Setia DiRaja Dato' Abdul Ghani Bin Pateh Akhir
- : Y.A.D Engku Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Langat  
 Raja Dato' Haji Uzair Bin Tengku Zainon Rashid Shah
- : Y.D.H. Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Selangor  
 Tuan Mohamad Yaacob Bin Ismail
- : Y.A.D. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling  
 Dato' Seri Indah Diraja Dato' Haji Abu Bakar Bin Haji Abdul Hamid
- : Y.D.H. Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Sabak Bernam  
 Dato' Haji Baharin Bin Haji Mat Akhir
- : Y.D.M. Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang  
 Tengku Dato' Dr. Jamaluddin Bin Tengku Mahmud Shah Alhaj

Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Negeri Selangor.





LAPORAN **AKTIVITI** 2006



**JANUARI 2006****3 hingga 5 Januari 2006**

Bahagian Pembangunan Insan (MAIS) telah mengadakan satu program tabligh yang diadakan di Pulau Ketam, seramai 20 orang peserta telah menyertai program tersebut.

**10 Januari 2006**

Kursus Intensif Muaf Tahap Asas memberikan ilmu pengenalan asas tauhid, akidah dan ibadah kepada saudara-saudara baru yang menyertainya. Bermula dari hari Sabtu hingga Rabu yang bertempat di Warisan Sembilang Resort, Pantai Remis, Jeram Kuala Selangor.

**12 Januari 2006**

Program Penghayatan Ibadah Qurban Anjuran Bersama MAIS serta NGO telah diadakan di Kampung Orang Asli Sg. Lalang. Program tersebut diraikan bersama saudara-saudara baru serta masyarakat setempat.

**13 Januari 2006**

Program Ibadah Korban yang telah diadakan di Surau Al-Hidayah bagi meraikan serta menghidupkan suasana, Kg. Orang Asli Ulu Kuang.

**13 Januari 2006**

Program Pengurusan Jenazah bagi anak-anak muaf di Pulau Ketam dijayakan oleh Unit Dakwah Saudara Kita, Bahagian Pembangunan Insan MAIS.

**15 Januari 2006**

Program Amal Yayasan Klinik Bergerak anjuran MAIS dan dijayakan bersama sukarelawan-sukarelawan luar telah diadakan di Pulau Ketam. Program tersebut dihadiri seramai 200 orang.

**16 Januari 2006**

Kursus Intensif Muaf Tahap Lanjutan telah diadakan bermula dari hari Sabtu hingga Rabu. Kursus ini bertempat di Warisan Sembilang Resort, Pantai Remis, Jeram Kuala Selangor yang disertai semua saudara baru yang lulus ujian kursus asas.

**17 Januari 2006**

Kuliah Tafaqquh Fid-Din yang disasarkan kepada semua kakitangan Bahagian Pembangunan Insan MAIS dan UPI Daerah, Panel Dakwah dan Guru Agama.

**17 Januari 2006**

Program Ziarah Kg. Orang Asli Sg. Lalang sempena aktiviti susulan nikah beramai-ramai dan berkhatan beramai-ramai yang diadakan di PAID Hulu Langat. Program tersebut disertai semua muaf daerah.

**21 hingga 25 Januari 2006**

Kursus Intensif Saudara Kita diadakan di Warisan Sembilang Resort Pantai Remis. Kursus intensif tersebut dikhaskan kepada para muaf.

**22 Januari 2006**

Program Ziarah Bersama YB Norliza ke Pulau Ketam anjuran MAIS. Disertai seramai 50 orang sukarelawan.

**26 Januari 2006**

Majlis Jalinan Ukhuwah Bersama Muaf dan Kakitangan PAID Kuala Selangor Sempena 'Idul Adha 1426H diadakan perkarangan dewan seminar PAID, Kuala Selangor.

**26 dan 27 Januari 2006**

Program Ziarah Dakwah diadakan di Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Bukit Cheding. Program tersebut disertai seramai 200 Orang Asli Islam dan juga masyarakat setempat yang bukan Islam.

**28 Januari 2006**

Lawatan Program Ziarah Dakwah telah diadakan di Kampung Orang Asli Ulu Klang oleh Bahagian Pembangunan Insan MAIS.

**31 Januari 2006**

Seminar Kecemerlangan Saudara Kita diadakan di Bilik Gerakan PAID Sabak Bernam. Seminar tersebut disertai seramai 60 orang Saudara Kita.

**FEBRUARI 2006****5 Februari 2006**

Kenduri Perkahwinan Muaf yang telah diadakan di Tanjung Karang. Dihadiri seramai 20 orang tetamu.

**9 Februari 2006**

Majlis Sambutan Maal Hijrah diadakan di Surau Al-Amin Kg. Orang Asli Sg. Melut Dengkil dihadiri oleh 100 orang saudara baru sekitar Dengkil.

**11 Februari 2006**

Sempena menyambut Maal Hijrah satu Forum Sambutan Maal Hijrah telah diadakan di Surau As-Sulaimaniah Desa Kasih Batu 2 Tebuk Sabak Bernam. Forum tersebut dihadiri seramai 300 orang Saudara Kita dan Penduduk-penduduk di sekitar Desa Kasih.

**12 Februari 2006**

Kursus Pemantapan Aqidah Dalam Bahasa Tamil diadakan di Dewan Pejabat Al-Hidayah, Sg. Buluh.

**17 hingga 19 Februari 2006**

Program Pemantapan Bahasa Tamil Anjuran MAIS bersama beberapa badan sukarelawan diadakan di Taman Putra Sungai Buluh. Program tersebut dikhaskan kepada semua Muaf daerah Hulu Langat.

**20 Februari 2006**

Program Tautan Kasih diadakan di Putrajaya yang dihadiri oleh saudara kita daerah Hulu Langat.



**24 dan 25 Februari 2006**

Program Ziarah Dakwah diadakan di Kampung Orang Asli Kepau Laut Pulau Carey. Program tersebut disertai orang asli Islam dan bukan Islam seramai 200 orang.

**24 hingga 26 Februari 2006**

Program Ramah Mesra Pelajar (Mesra 2006) diadakan di Kampung Orang Asli Gurney, Hulu Yam Baharu. Program tersebut turut disertai 100 masyarakat orang asli yang beragama Islam dan bukan Islam.

**25 Februari 2006**

Bengkel Menangani Gejala Murtad diadakan di Bangunan Pendidikan Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam, terdiri daripada 70 orang saudara kita.

**26 Februari 2006**

Program Ziarah Kg Orang Asli Pangsoon bersama PERKIM diadakan di PAID Hulu Langat keterlibatan adalah semua mualaf daerah Hulu Langat.

**28 Februari 2006 hingga 1 Mac 2006 (2H/1M)**

Seminar Keluarga Cemerlang Muallaf 2006 diadakan di Hotel De Palma Inn Kuala Selangor.

**Sepanjang Bulan Februari 2006**

Program Ziarah Dakwah ke Kg. Orang Asli Changkat Bintang diadakan khas untuk menziarahi penduduk orang asli Islam dan bukan Islam. Program tersebut disertai seramai 100 orang.

**MAC 2006****4 Mac 2006**

Program Titian Kasih Saudara Baru diadakan di Masjid Putrajaya I disertai saudara baru sekitar Dengkil iaitu seramai 40 orang.

**4 dan 5 Mac 2006**

Ramah mesra bersama masyarakat di Kampung Orang Asli Kuala Pangsoon Hulu Langat anjuran bersama Bahagian Pembangunan Insan (MAIS) bersama badan-badan sukarelawan.

**11 Mac 2006**

Kursus Keusahawanan Islam diadakan di Bangunan Pendidikan Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam. Kursus tersebut disertai seramai 60 orang terdiri daripada saudara kita .

**18 dan 19 Mac 2006**

Seramai 40 orang saudara kita menyertai Kursus Mesra Ibadah telah diadakan di Kem Askar Wataniah Sabak Bernam.

**18 - 19 Mac 2006**

Program ziarah masyarakat Pulau Ketam anjuran bersama JAKIM seramai 50 orang terlibat di dalam program ziarah tersebut.

**18 - 19 Mac 2006**

Program Titian Kasih Anjuran Bersama NGO diadakan di Kuala Pangsoon bagi golongan saudara kita serta masyarakat setempat.

**11 hingga 15 Mac**

Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang Tahap Lanjutan diadakan di Warisan Sembilang Resort Pantai Remis Jeram. Program tersebut disertai mualaf daerah Hulu Langat

**25 Mac 2006**

Program Pemantapan Aqidah telah diadakan di Dewan Merdeka Kuala Kubu Bharu. Peserta yang terlibat adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada golongan mualaf daerah Hulu Langat.

**25 hingga 29 Mac 2006**

Kursus Intensif Saudara Kita diadakan di Warisan Sembilang Resort Pantai Remis Jeram. Program tersebut disertai mualaf daerah Hulu Langat.

**25 dan 26 Mac 2006**

Satu Kursus Khemah Ibadah Mualaf Kaum Wanita Orang Asli telah diadakan di Dewan Baitul Hidayah, Kuang.

**APRIL 2006****13 April 2006**

Suatu Majlis Makan Malam diadakan bagi meraikan sempena Pernikahan Saudara Baru yang telah diadakan Di Surau Al-Hidayah, Kg. Orang Asli.

**15 April 2006**

Kursus Pengurusan Jenazah Saudara Kita telah diadakan di Kolej Komuniti Sabak Bernam. Kursus Tersebut disertai Saudara Kita seramai 60 orang.

**21 - 23 April 2006**

Kursus Perkaderan Dakwah dan Penyelewengan Aqidah Bahasa Tamil Anjuran Bersama NGO diadakan di Hotel Grand Pacific. Kursus tersebut disertai oleh saudara kita daerah Hulu Langat.

**22 April 2006**

Program Hari Keluarga Saudara Kita telah diadakan di Dewan Sri Bernam Sungai Besar. Program tersebut disertai Saudara Kita seramai 40 orang.

**22 hingga 26 April 2006**

Kursus Intensif Saudara Kita Cemerlang yang diadakan di Warisan Sembilang Resort Pantai Remis telah disertai seramai 5 orang saudara baru yang baru memeluk Islam.

**23 April 2006**

Program ziarah Bersama ABIM, DBKL, JAWI dan Jabatan Penerangan di Pulau Ketam. Program tersebut disertai seramai 50 orang sukarelawan.



Majlis Konvokesyen Pengajian Sijil Dakwah dan Kepimpinan di ILDAS disampaikan oleh Pengerusi MAIS.

**28 April 2006**

Program Ziarah Bersama Saudara Kita anjuran Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor telah diadakan di sekitar bandar Kajang khusus kepada golongan mualaf.

**29 April 2006**

Forum Kekuatan Aqidah Membangunkan Ummah Saudara Kita sempena ramah mesra di antara Pegawai Tadbir Agama,

Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor dan para mualaf yang diadakan di Dewan Seminar Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor.

**30 April 2006**

Ujian Tilawah Al-Quran Peringkat Saudara Baru telah diadakan di Masjid Sultan Hishamuddin Bandar Baru Salak Tinggi disertai 150 orang saudara baru daerah Sepang .

**MEI 2006****11 Mei 2006**

Program Ziarah Dakwah ke Rumah Kediaman Mualaf Saudara Kita Nurliyana Thian Bt Abdullah dan Nurul Aslinda Bt Abdullah sempena kelahiran cahaya mata mereka berdua. Program ziarah tersebut disertai seramai 3 orang Kakitangan Unit Pembangunan Insan Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam.

**11 Mei 2006**

Program Perkahwinan beramai-ramai telah diadakan di Surau Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor. Program tersebut melibatkan mualaf, Keluarga serta kakitangan Pejabat PAID Hulu Selangor .

**17 Mei 2006**

Program ziarah dakwah ke rumah kediaman mualaf saudara kita Mohamad Saufi Chua B. Abdullah dan Azizah Namala Bt Abdullah. Program ziarah tersebut disertai oleh Kakitangan Unit Pembangunan Insan, Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam dan bersama pelajar praktikal KUIM.

**22 Mei 2006**

Seminar Wanita Anggun Bijak Bestari diadakan di Dewan Kampung Orang Asli Sg. Buah Dengkil disertai seramai 50 orang Muslimah Saudara baru. .

**28 Mei 2006**

Program Pengurusan Jenazah diadakan di Masjid Sultan Hisamuddin Bandar Baru Salak Tinggi I. Program tersebut disertai oleh Saudara baru daerah Sepang Seramai 100 orang.

**Sepanjang Bulan Mei**

Sepanjang bulan Mei telah diadakan Program Ziarah Dakwah ke Kg. Orang Asli Sg. Garing, Bukit Beruntung, Kerling Kuala Kubu Bharu. Ianya diadakan khas bagi menziarahi mualaf cina, india, dan orang asli. Program tersebut disertai seramai 100 orang sukarelawan dan penduduk setempat.

**MEI 2006****Mei dan Jun**

Satu program ziarah Jelajah Bersamamu Mualaf telah diadakan di berapa buah kampung sekitar Selangor antaranya ialah Bandar Baru Kuala Selangor; Kg. Tengah Permatang Tanjung Karang, Kg. Sg. Yu Tanjong Karang, Berjantai Bistari, Batang Berjantai, Tmn.

Laksamana, Kuala Selangor; Tmn. Telaga Tujuh, Kuala Selangor; Tmn. Bendahara Kuala Selangor; Tmn. Desa Ehsan PPRT, Jeram. Sg. Janggut Kg. Suara Jeram dan Baitul Muhabbah Jln Keramat KSL.

**JUN 2006****18 Jun 2006**

MAIS telah mengadakan satu Program Baiti Jannati Siri I/2006 di Dewan Merdeka Kuala Kubu Baru penyertaan seramai 100

orang, terdiri daripada pasangan –pasangan mualaf yang telah dan akan berkahwin.

**JULAI 2006****1 dan 2 Julai 2006**

Kursus Rumahku Syurgaku Mualaf Daerah Gombak diadakan di Hotel De Palma, Ampang.

Peringkat Kebangsaan diadakan di Masjid Wilayah Persekutuan.

**5 Julai 2006**

Majlis Tilawah Al-Quran Saudara Kita dan Pertandingan Azan

**15 dan 16 Julai 2006**

Program Ziarah Bersama Imam China dan JAKIM ke Pulau Ketam. .



## OGOS 2006

**2 hingga 4 Ogos 2006**

Program Ramah Mesra Anjuran MAIS Bersama JAKIM diadakan di Kg. Mesra Orang Asli Genting Peras. Program tersebut melibatkan masyarakat bukan Islam.

**5 Ogos 2006**

Program bengkel penyelidikan dakwah dengan kerjasama KUIS telah diadakan bagi mendedahkan metodologi dakwah dalam era globalisasi kini kepada para pendakwah.

**10 - 12 Ogos 2006**

Majlis Konvokesyen Pengajian Sijil Dakwah dan Kepimpinan diadakan di ILDAS Sabak Bernam disampaikan oleh Pengerusi MAIS Dato Setia Haji Mohammad Adzib Bin Mohd Isa.

**11 dan 12 Ogos 2006**

Karnival Sukan Sambutan Konvokesyen Program Persijilan Dakwah dan Kepimpinan Muafak diadakan di ILDAS Sabak Bernam.

**15 Ogos 2006**

Kaunter bergerak Unit Wakaf Daerah (UWD) sempena Forum

Perdana Ehwat Islam Bulan Wakaf Negeri Selangor 2006 di Masjid Jamek Al-Amaniah, Batu Caves .

**19 Ogos 2006**

Ceramah penghayatan bulan-bulan Islam (Rejab, Syaaban dan Ramadhan) diadakan di Bilik Gerakan PAID Sabak Bernam. Ceramah tersebut disertai Saudara Kita seramai 40 orang.

**22 Ogos 2006**

Sambutan Israk dan Mikraj diadakan di Kg. Orang Asli Bukit Manchong yang dihadiri Orang Asli Islam seramai 100 orang.

**24 Ogos 2006**

Forum Perdana Ehwat Islam Sempena Bulan Wakaf Di Surau Al-Hidayah, Saujana Utama 1, Sungai Buloh.

**26 Ogos 2006**

Program Ramah Mesra dan Sukaneka Sempena Bulan Kemerdekaan diadakan di kampung Orang Asli Bukit Serdang. Program tersebut disertai Orang Asli Bukit serdang, Paya Rumput dan Bukit Tadam iaitu seramai 150 orang.

## SEPTEMBER 2006

**2 September 2006**

Pembukaan kaunter penyertaan Skim Saham Wakaf Selangor (SSWS) sempena Seminar Poligami Siri – 2 di Kelab Darul Ehsan, Taman TAR, Ampang.

**12 September 2006**

Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor (SSWS) sempena Program Dialog Kemerdekaan Daerah Gombak di Dataran Pejabat Parlimen Gombak, Taman Melawati.

**16 September 2006**

Pembukaan kaunter penyertaan Saham Wakaf Selangor (SSWS) sempena Seminar Pemahaman Keluarga Islam di Dewan Masjid Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Gombak.

**22 September 2006**

Program taklimat Saham Wakaf Selangor (SSWS) dan penerangan Pengurusan Wasiat Orang Islam di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

## OKTOBER 2006

**3 Oktober 2006**

Program Kempen Penyertaan Saham Wakaf Selangor Sempena Ramadhan di Masjid Al-Azim, Kampung Kelanang pada hari Selasa.

**4 Oktober 2006**

Majlis terbuka puasa diadakan di Kampung Orang Asli Bukit Serdang. Majlis terbuka puasa tersebut dihadiri Orang Asli Bukit Serdang seramai 60 orang.

**05 Oktober 2006**

Program taklimat Saham Wakaf Selangor dan penerangan Pengurusan Wasiat Orang Islam di Hospital Selayang, Selayang Utama.

**5 Oktober 2006**

Program Kempen Penyertaan Skim Saham Wakaf Selangor sempena Ramadhan di Masjid Jamek Jamaiah, Morib.

**11 Oktober 2006**

Program Taklimat Saham Wakaf Selangor dan Penerangan Pengurusan Wasiat Orang Islam di Majlis Perbandaran Selayang.

**11 Oktober 2006**

Majlis terbuka puasa bersama muafak diadakan di Penjara Sg. Buloh.

**11 Oktober 2006**

Majlis Terbuka Puasa yang diadakan di Kampung Orang Asli Busut baru, Bukit Cheding. Majlis tersebut dihadiri Orang Asli Busut Baru seramai 40 orang.

**11 Oktober 2006**

Taklimat Skim Saham Wakaf Selangor di Jabatan Pertanian Kuala Selangor pada jam 9.30 pagi.

Penyertaan saham wakaf oleh orang ramai amat menggalakkan.



**12 Oktober 2006**

Majlis Berbuka Puasa Saudara Kita Bagi Tahun 2006 di surau dan dewan orang ramai Simpang Lima. Seramai 60 buah keluarga saudara kita yang terlibat.

**13 Oktober 2006**

Majlis Berbuka Puasa Sultan Bersama Rakyat (Anak Yatim dan Mualaf) diadakan di Masjid Batu 12 Sg. Burung Tg. Karang.

**15 Oktober 2006**

Program Ihya' Ramadhan dan Penyampaian Sagu hati Hari Raya l'dul Fitri 1427H/2006M diadakan di Perkarangan dan Dewan Seminar PAID Kuala Selangor.

**18 Oktober 2006**

Program Ziarah Rumah Saudara Kita di Kampung Orang Asli Pulau Carey. Program tersebut diraikan bersama seluruh Kampung Orang Asli Pulau Carey yang beragama Islam.

**18 Oktober 2006**

Program Iftar dan Agihan Bantuan Hari Raya diadakan di Kg. Orang Asli Gerachi Jaya. Program tersebut disertai Orang Asli Islam seramai 100 orang.

**NOVEMBER 2006****1 November 2006**

Majlis Sambutan Hari Raya diadakan di Surau Al-Hidayah Kampung Orang Asli Tanjung Sepat diraikan bersama Orang Asli Tanjung Sepat seramai 20 orang.

**14 November 2006**

Majlis Jalinan Syawal (Kombo-Raya) bersama Warga Mualaf Kuala Selangor 2006 diadakan di dewan Seminar dan Perkarangan PAID Kuala Selangor.

**DISEMBER 2006****16 dan 17 Disember 2006**

Majlis Berkhatan Beramai-ramai Anak-anak Mualaf diadakan di Surau Al-Wardah Taman Mawar Bandar Baru Salak Tinggi

Busut Baru. Program tersebut disertai orang Asli Bukit Baru beragama Islam seramai 40 orang.

**23 Disember 2006**

Hari Keluarga Saudara Kita Bersama YAD Dato' Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Program tersebut dihadiri seramai 150 orang Mualaf Gombak Barat.

**31 Disember 2006**

Sambutan Hari Raya Aidiladha disambut di Surau Al-Hidayah Kampung Orang Asli Bukit Bangkong Sg Pelek Sepang. Sambutan tersebut diraikan bersama Saudara baru Kampung Orang Asli Bukit Bangkong / Ladang Fermangh dan sekitarnya, seramai 100 orang saudara baru termasuk ahli keluarga.

**23 Disember 2006**

Program Hari Keluarga Saudara Kita Peringkat Negeri diadakan di Perkarangan Masjid Negeri. Program tersebut disertai Saudara baru daerah Sepang, seramai 120 orang.

**31 Disember 2006**

Program Hari Raya Korban bersama ahli jawatankuasa dan Kariah Surau Ikhwaniah Ladang Sabak Bernam diadakan di Surau Ikhwaniah Ladang Sabak Bernam. Program tersebut melibatkan semua Warga Saudara Kita dan pelajar tajaan MAIS seramai 50 orang.

**28 Disember 2006**

Penghayatan Islam diadakan di Surau Kampung Orang Asli

LAM  
SELANGOR 2006

R (MAIS)

KHIR TO

G





Bengkel Penyelidikan dakwah kepada para pendakwah di semua lapisan peringkat masyarakat.

STATISTIK



## KUTIPAN SKIM SAHAM WAKAF SELANGOR BAGI TAHUN 2001 - 2006 (SEHINGGA 31 DISEMBER 2006)

| BIL PERKARA               | TAHUN<br>2001<br>RM | TAHUN<br>2002<br>RM | TAHUN<br>2003<br>RM |
|---------------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| <b>Wakaf Am(MAIS)</b>     | b/b                 | 139547.49           | 715350.64           |
| 1 Baitulmal               | 139,547.49          | 244,825.00          | 94,885.78           |
| 2 Daerah Petaling Jaya    | -                   | 16,230.00           | 1,980.00            |
| 3 Daerah Klang            | -                   | 84,370.00           | 62,513.11           |
| 4 Daerah Kuala Selangor   | -                   | 35,390.00           | 12,463.00           |
| 5 Daerah Kuala Langat     | -                   | 70,255.00           | 20,570.00           |
| 6 Daerah Hulu Langat      | -                   | 40,070.00           | 8,880.00            |
| 7 Daerah Sabak Bernam     | -                   | 13,610.00           | 14,540.00           |
| 8 Daerah Hulu Selangor    | -                   | 8,670.00            | 5,560.00            |
| 9 Daerah Sepang           | -                   | 33,120.00           | 29,310.00           |
| 10 Daerah Gombak          | -                   | 11,508.00           | 3,970.00            |
| 11 Pelbagai Terimaan      | -                   | 17,755.15           | 105,441.58          |
|                           | 139,547.49          | 575,803.15          | 360,113.47          |
| <b>Agen Kutipan :</b>     |                     |                     |                     |
| 12 LZS                    | -                   | -                   | 5,340.00            |
| 13 HJ Ibrahim             | -                   | -                   | -                   |
|                           | 0.00                | 0.00                | 5,340.00            |
| <b>MAIS &amp; Agen</b>    |                     |                     | 365,453.47          |
| <b>Wakaf Khas</b>         |                     |                     |                     |
| 14 Masjid Sultan Abd Aziz |                     |                     | 151,584.00          |
| 15 Masjid Trmn Bandaran   |                     |                     | 4,000,000.00        |
| 16 Masjid Kunci Air Buang |                     |                     |                     |
| 17 SRA Pulau Indah        |                     |                     |                     |
| 18 ABIEDAMI               | -                   | -                   | -                   |
| <b>JUMLAH WAKAF KHAS</b>  | 0.00                | 0.00                | 4,151,584.00        |
| <b>KUTIPAN TAHUNAN</b>    | 139,547.49          | 575,803.15          | 4,517,037.47        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                     | <b>715,350.64</b>   | <b>5,232,388.11</b> |

\* Kesemua jumlah yang diambil kira adalah sebelum pelarasan dibuat.

| TAHUN<br>2004<br>RM | TAHUN<br>2005<br>RM  | TAHUN<br>2006<br>RM  | JUMLAH<br>RM         |
|---------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| 5,232,388.11        | 9,942,524.30         | <b>12,336,572.30</b> |                      |
| 76,165.00           | 115,546.00           | <b>126,111.95</b>    | <b>797,081.22</b>    |
| 160.00              | -                    | <b>8,460.00</b>      | <b>26,830.00</b>     |
| 18,830.00           | 3,620.00             | <b>14,055.00</b>     | <b>183,388.11</b>    |
| 4,740.00            | 1,680.00             | <b>2,820.00</b>      | <b>57,093.00</b>     |
| 8,510.00            | 5,892.00             | <b>14,610.00</b>     | <b>119,837.00</b>    |
| 7,500.00            | 82,880.00            | <b>19,260.00</b>     | <b>158,590.00</b>    |
| 6,850.00            | 160.00               | <b>12,640.00</b>     | <b>47,800.00</b>     |
| 2,970.00            | 59,140.00            | <b>57,425.00</b>     | <b>133,765.00</b>    |
| 790.00              | 850.00               | <b>22,940.00</b>     | <b>87,010.00</b>     |
| 13,500.00           | 6,470.00             | <b>28,346.00</b>     | <b>63,794.00</b>     |
| 52,841.19           | 5,585.00             | <b>4,587.13</b>      | <b>186,210.05</b>    |
| 192,856.19          | 281,823.00           | <b>311,255.08</b>    | <b>1,861,398.38</b>  |
| 72,040.00           | 95,725.00            | <b>147,920.00</b>    | <b>321,025.00</b>    |
| 12,420.00           | 3,010.00             | <b>730.00</b>        | <b>16,160.00</b>     |
| 84,460.00           | 98,735.00            | <b>148,650.00</b>    | <b>337,185.00</b>    |
| 277,316.19          | 380,558.00           | <b>459,905.08</b>    | <b>2,198,583.38</b>  |
| 82,820.00           | 12,880.00            | <b>760,960.00</b>    | <b>1,008,244.00</b>  |
| 4,000,000.00        |                      |                      | <b>8,000,000.00</b>  |
| 350,000.00          |                      |                      | <b>350,000.00</b>    |
|                     | 2,000,000.00         |                      | <b>2,000,000.00</b>  |
|                     | 610.00               | <b>350.00</b>        | <b>960.00</b>        |
| 4,432,820.00        | 2,013,490.00         | <b>761,310.00</b>    | <b>11,359,204.00</b> |
| 4,710,136.19        | 2,394,048.00         | <b>1,221,215.08</b>  | <b>13,557,787.38</b> |
| <b>9,942,524.30</b> | <b>12,336,572.30</b> | <b>13,557,787.38</b> |                      |

## LAPORAN KEWANGAN

### BANTUAN PELAJARAN MUALLAF 2006

| BIL. PELAJAR | BULAN                        | NAMA INSTITUT PENGAJIAN |              |             |               |                 |              |              | JUMLAH PELAJAR |                 |
|--------------|------------------------------|-------------------------|--------------|-------------|---------------|-----------------|--------------|--------------|----------------|-----------------|
|              |                              | REN                     | MEN          | SEK. ASRAMA | ITI           | IDIP            | PPT          | PSDK         |                | IPT             |
|              | Januari                      | 46                      | 20           | 0           | 55            | 40              | 15           | 17           | 17             | 210             |
|              | Febuari                      | 47                      | 20           | 0           | 54            | 40              | 16           | 17           | 17             | 211             |
|              | Mac                          | 76                      | 20           | 0           | 57            | 47              | 16           | 17           | 17             | 250             |
|              | April                        | 105                     | 21           | 0           | 57            | 46              | 17           | 17           | 19             | 282             |
|              | Mei                          | 123                     | 21           | 0           | 70            | 46              | 21           | 17           | 22             | 320             |
|              | Jun                          | 148                     | 21           | 0           | 70            | 50              | 21           | 17           | 25             | 358             |
|              | Julai                        | 148                     | 24           | 2           | 71            | 50              | 21           | 17           | 25             | 358             |
|              | Ogos                         | 148                     | 38           | 5           | 65            | 50              | 21           | 17           | 27             | 371             |
|              | September                    | 148                     | 39           | 10          | 65            | 42              | 18           | 17           | 26             | 365             |
|              | Oktober                      | 148                     | 40           | 10          | 60            | 42              | 18           | 17           | 35             | 370             |
|              | November                     | 149                     | 40           | 8           | 60            | 42              | 16           | 17           | 36             | 368             |
|              | Disember                     | 148                     | 41           | 8           | 60            | 42              | 16           | 17           | 37             | 369             |
|              | <b>JUM PELAJAR (JAN-DIS)</b> | 1434                    | 345          | 43          | 744           | 537             | 216          | 204          | 300            | <b>3823</b>     |
|              | <b>JUMLAH (RM)</b>           | <b>143400</b>           | <b>34500</b> | <b>8600</b> | <b>223200</b> | <b>264042.9</b> | <b>64800</b> | <b>40800</b> | <b>90000</b>   | <b>869342.9</b> |

**Nota :**

|            |                                     |
|------------|-------------------------------------|
| Sek. Men   | : Sekolah Menengah                  |
| Sek. Ren   | : Sekolah rendah                    |
| Asrama     | : Sekolah Berasrama                 |
| IPT        | : Institut Pengajian Tinggi         |
| ITI        | : Institut Taufiq Islami            |
| PSDK ILDAS | : Program Sijil Dakwah & Pendidikan |
| IDIP       | : Institut Dakwah Islamiah PERKIM   |
| PPT        | : Pondok Pasir Tumbuh               |

## BANTUAN KEBAJIKAN UNIT DAKWAH SAUDARA KITA BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

| BIL           | JENIS BANTUAN                       | JUMLAH PEMOHON | PERBELANJAAN (RM)   |
|---------------|-------------------------------------|----------------|---------------------|
| 01.           | Pelajaran                           | 3768           | <b>798,556.00</b>   |
| 02.           | Bulanan                             | 1873           | <b>468,500.00</b>   |
| 03.           | Saguhati Perkahwinan                | 50             | <b>55,000.00</b>    |
| 04.           | Berkhatan                           | 36             | <b>8521.00</b>      |
| 05.           | Sewa Rumah                          | 51             | <b>105,272.45</b>   |
| 06.           | Kecemasan                           | 12             | <b>18,575.21</b>    |
| 07.           | Perubatan                           | 7              | <b>3,327.00</b>     |
| 08.           | Gharimin                            | 31             | <b>122,495.53</b>   |
| 09.           | Saguhati Pengislaman                | 149            | <b>149,000.00</b>   |
| 10.           | Rumah Perlindungan (Klang)          | 15             | <b>37,500.00</b>    |
| 11.           | Rumah Perlindungan (Kuala Selangor) | 3              | <b>9,000.00</b>     |
| 12.           | Rumah Perlindungan (Gombak Barat)   | 12             | <b>7,500.00</b>     |
| 13.           | Rumah Perlindungan (Shah Alam)      | 12             | <b>7,500.00</b>     |
| <b>JUMLAH</b> |                                     | <b>6018</b>    | <b>1,790,747.19</b> |

## JUMLAH PENDAFTARAN MUALLAF MENGIKUT DAERAH TAHUN 2006

| NEGERI         | JUMLAH MUALLAF |
|----------------|----------------|
| Gombak Timur   | 52             |
| Gombak Barat   | 97             |
| Hulu Langat    | 153            |
| Hulu Selangor  | 80             |
| Klang          | 157            |
| Kuala Langat   | 50             |
| Kuala Selangor | 20             |
| Petaling Jaya  | 34             |
| Subang Jaya    | -              |
| Sabak Bernam   | 15             |
| Sepang         | 57             |
| Shah Alam      | 261            |
| Perkim         | 545            |
| Lain-lain      | 23             |
| <b>Jumlah</b>  | <b>1544</b>    |

KERATAN **AKHBAR** &  
ALAMAT **KAUNTER**



# RM7 juta untuk fakir miskin

Mais sedia peruntukan bantu golongan memerlukan sempena Ramadan, Aidilfitri

Oleh Fazillah Pit


**S**HAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memperuntukkan sejumlah RM7 juta wang kutipan zakat untuk golongan fakir, miskin dan anak yatim, sempena sambutan Ramadan dan Aidilfitri ini. Pengerusinya, Datuk Mohamad Adib Mohd Isa, berkata agihan itu akan diartikan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sepanjang Ramadan. Menegaskan agihan tahun ini meningkat secara purata berbanding

tahun lalu, beliau berkata, sejumlah RM6.63 juta diagih kepada golongan miskin, lakir (RM211,800) dan anak yatim fakir miskin, RM166,600.

"Sumbangan ini sudah menjadi tradisi dan diharap dapat meringankan beban golongan ini menyediakan persiapan sambutan Aidilfitri termasuk muafak dan anak yatim," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Sultan Selangor Berbuka Bersama Rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, malam kelmarin.

Baginda turut melancarkan al-Quran terjemahan edisi khas mushaf Selangor. Sebanyak 20,000 naskhah diadakan kepada semua 379 masjid dan 1,700 rumah di negeri ini.

- Mohamad Adib



“Sumbangan ini sudah tradisi dapat bebani ini mpe Aic m y”



DULU Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan melancarkan edisi khusus mushaf Selangor kepada anak-anak yatim di Masjid Nurul Huda, Kampung Olak Lempit, Kuala Langat. Turut menerima bantuan ialah fakir miskin dan saudara baru. Dalam bulan Ramadan ini, Baginda berkenan menyampaikan sumbangan dan menunaikan solat di enam masjid di Selangor bersama rakyat jelata. - Foto ANIMAD FADHLI HANITA

## Selangor tubuh Lembaga Wakaf

**P**UCHONG: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) akan menubuhkan satu agensi khas yang dikenali sebagai Lembaga Wakaf, khusus bagi mengurus, mentadbir dan menyelenggara tanah wakaf yang berdaftar di Selangor.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Adib Mohd Isa, berkata Mais berasa sudah tiba masanya satu institusi khas untuk itu ditubuhkan sebagaimana penubuhan Lembaga Zakat Selangor (LZS), kerana pada masa ini belum ada satu agensi khas yang khusus mengurus dan mentadbir segala perkara berkaitan wakaf.

Bercakap pada sidang media selepas merasmikan Kaunter Baru LZS di Bandar Puteri dekat sini, malam beliau berkata, Mais menjangka Lembaga Wakaf yang akan ditubuhkan itu berkonsep dan bercirikan seperti Lembaga Zakat iaitu dari segi pentadbiran, aktiviti dan mempunyai kakitangan terlatih.

"Pada masa ini segala urusan mengenai wakaf diuruskan oleh Unit Wakaf di bawah Mais sementara LZS dilantik menjadi ejen wakaf yang mana apabila menguruskan zakat mereka juga turut menguruskan perkara berkaitan wakaf" katanya.

## Semasa Sempena Ramadan dan Hari Raya Sultan Sharafuddin Berkenan Sampaikan Sumbangan

**D**ULU Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyampaikan bantuan Ramadan dan Hari Raya kepada fakir miskin, muafak dan anak-anak yatim daerah Petaling di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, pada 26 September. Seramai 100 fakir miskin, 100 muafak dan 70 anak yatim menerima sumbangan wang tunai antara RM100 dan RM1,000 seorang. Sumbangan itu adalah sebahagian daripada agihan bantuan persiapan Ramadan dan hari raya berjumlah 7.01 juta ringgit

yang diuruskan Lembaga Zakat Selangor (LZS), tahun ini. Pada majlis itu, baginda turut berkenan melancarkan Al-Quran Terjemahan Mushaf Malaysia Edisi Khas Negeri Selangor yang dicetak dengan ciri-ciri khas gabungan seni sembilan daerah negeri ini. Selain menggunakan bahasa Melayu moden, ianya bersifat tafsiiriyah (terjemahan mudah dan ringkas) dan mempunyai reka letak secara bersesuaian antara teks arab dan terjemahan pada setiap baitan muka surat. LZS akan membiayai percetakan 20 ribu naskhah al-Quran edisi khas yang diter-

bitkan oleh Yayasan Restu itu untuk diagihkan kepada semua masjid, surau dan sekolah agama di seluruh negeri ini. Sultan Sharafuddin kemudian berkenan berbuka puasa dan mengorjatkan solat sunat terawih bersama rakyat. Terdahulu itu, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adrib Mohd Isa berkata zakat berjumlah RM133.3 juta berjaya dikutip menerusi LZS tahun lalu, berbandi RM108 juta pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu, RM131.1 juta diagihkan kepada lapan anasaf di seluruh negeri ini. - ESS ESS

# Institusi wakaf dicadang wujudkan dana sendiri

**KUALA LUMPUR 14 Sept.** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan supaya institusi wakaf di negara ini mendedahkan dana mereka sendiri. Langkah itu, kata beliau, bertujuan meringankan beban kewangan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur seperti pembinaan masjid, pusat pendidikan, rumah-rumah anak yatim dan warga tua serta pusat-pusat perlindungan.

"Dalam kata lain, tiba masanya kini harta wakaf lebih dimajukan untuk mendatangkan manfaat lebih besar serta menyebarkan," katanya semasa perhimpunan Menteri Agama MUIS.

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Konvensyen tiga hari bertemakan Wakaf Memartabatkan Kecekungan Ummah bermula 12 September lalu dibudiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin dan Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Mohd. Zakri Hussain.

Najib turut mencadangkan dua lagi perkara penting kepada institusi wakaf demi memanfaatkan harta umat Islam.

"Usaha untuk menambatkan dan memakmurkan produktiviti harta wakaf perlu dibuat secara berterusan seiring dengan perkembangan ekonomi," katanya.

"Para ilmuan Islam, tokoh-tokoh agama, ahli ekonomi dan para penyelidik perlu tampil mengemukakan lebih banyak alternatif dan cadangan membina dalam memperkasakan institusi wakaf.

"Kita tidak boleh berada ditakuk pemikiran dan kaedah lama dalam soal bersaing memajukan ekonomi ummah," katanya.

Najib juga memberi contoh bagaimana dana wakaf mampu mengangkat ekonomi sesuatu negara. Usuan Malaysia 2012.

"Dalam tentang negara ini, kita harus berfikir, berinovasi dan berkreasi."

"Malah Universiti Al-Azhar yang berusia lebih 1,000 tahun itu bukan sahaja teras sebagai pusat ilmu, bahkan menjadi kebanggaan Mesir sebagai institusi wakaf amat berpengaruh," jelasnya.

Tambahnya, pembangunan ekonomi di kebanyakan negara-negara Timur Tengah dibiayai dan dilaksanakan oleh dana wakaf dengan begitu meluas.

Selalunya itu, beliau menyeras masyarakat Islam untuk memberi perhatian dan sokongan kepada institusi wakaf di negara ini.

## RM10 boleh beli saham akhirat

oleh Mat Piah Teh Deris  
**MAJLIS Agama Islam Selangor (MAIS)** kini mengadakan program atau skim yang dinamakan 'Saham Wakaf' bagi memberi peluang kepada sebarang umat Islam di negeri itu melaksanakan ibadat wakaf yang merupakan satu daripada tiga perkara yang boleh menolong atau membantu umat Islam di tempat yang berkecukupan laia di akhirat kelak.

Selain daripada amal ibadat seseorang itu terutamanya memaafkan solat, seperti yang diketahui hanya tiga perkara yang boleh menolong umat Islam untuk menghadapi sesi perhitungan di akhirat bagi memcukupkan tempat kita sama ada syurga atau sebaliknya selaras kita meninggalkan dunia nanti ialah sedekah jariah (termasuk wakaf), ilmu yang berfaedah dan berkecukupan, serta doa daripada anak-anak yang soleh.

Biasanya ibadat wakaf ini amat popular di kalangan masyarakat Islam sejak dahulu terutama bagi orang kaya dan yang berada atau individu yang mempunyai harta yang banyak seperti tanah, bangunan dan rumah kediaman untuk diwakafkan bagi kegunaan orang ramai. Ini bermakna ibadat wakaf sebelumnya lebih popular kepada harta-harta yang berkekalkan untuk diwakafkan bagi kegunaan masyarakat setempat yang bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat Islam sendiri.

Sebagai contohnya, Universiti Al-Azhar Mesir dikendalikan atau dibiayai dengan menggunakan wang wakaf dan begitu juga dengan Universiti Oxford, England juga ditahankan menggunakan sistem yang seakan-akan serupa walaupun ia bukan ditadbirkan oleh sebuah negara Islam.

Biasanya wakaf tanah atau harta diberikan untuk dijadikan tanah perkuburan Islam, tapak masjid, tapak surau dan sebagainya.

Namun begitu, bukan semua orang memiliki tanah dan harta yang disebutkan itu. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di sekitar bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Shah Alam yang tentunya harga tanah, bangunan dan rumah agak mahal jika dibandingkan dengan bandar-bandar kecil atau perkampungan di luar bandar.

Di sinilah MAIS tampil memajukan perannya dengan mengadakan satu skim Saham Wakaf di mana sebarang umat Islam boleh menyertainya membeli saham-saham tersebut dengan harga minimum hanya sekadar RM10 dan tidak ada had maksimum yang ditetapkan. Mereka yang berkemampuan bolehlah membeli saham wakaf ini sebanyak banyak yang boleh dan termampu dirinya.

Ini bermakna setiap umat Islam yang berminat boleh menyertai ibadat wakaf sebagai saham wakaf sebagai...

UTULAN MALAYSIA 25 Selasa 3 Oktober 2006

## Waspada ajaran sesat - Sultan

Oleh: ZAINI RABANSHAH ALAM 9 Dis. - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menasihatkan umat Islam di negeri ini agar lebih berhati-hati kerana pada masa ini kegiatan ajaran sesat telah cuba memperluaskan pengaruh mereka melalui pelbagai cara.

Baginda bertitah, langkah itu sangat penting kerana ajaran sesat amat berbahaya dan boleh memecah belahkan masyarakat khususnya umat Islam dan orang Melayu.

Menurut baginda, sekiranya terdapat ajaran sesat di mana-mana kariah di Selangor, perkara berkenaan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Kita boleh mengenalpasti sama ada ajaran sesat atau sebaliknya dengan memastikan ciri-ciri ajaran yang disampaikan, tambahan pula mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang diamalkan di negara ini adalah jelas lagi sempurna berpandukan al-Quran dan hadis.

"Nabi Muhammad s.a.w adalah nabi dan rasul terakhir, oleh itu sekiranya ada orang mendakwa dirinya adalah nabi atau rasul dan membawa ajaran yang meragukan, kita perlu berhati-hati dan merujuknya kepada JAIS," titah baginda.

Baginda menyatakan demikian ketika menyampaikan titah ucapan pada majlis perasmian Masjid Seksyen 19 di sini hari ini.

Pada masa sama, Sultan Sharafuddin berharap orang Melayu dapat memahami yang sedang disalafkan oleh golongan tertentu yang mempunyai agenda tersendiri.

Menurut baginda, jihad sebenarnya pada pandangan Islam mempunyai kedudukan yang mulia.

"Tafsir terhadap istilah jihad oleh golongan tersebut, ia telah lama dan penganutnya dipandang hina oleh masyarakat dunia. Kita meminta supaya umat Islam di negeri ini sentiasa merujuk dan cendek pandai yang arif mengenai pengertian jihad dalam al-Wal Jama'ah yang boleh dijadikan panduan.

Adapun sesetengah orang Islam yang terikat-ikat untuk berjihad dengan betah akan hanya mencerminkan nama baik masyarakat itu sendiri.

Umat Islam terus dipandang sinis oleh masyarakat belian sebagai agama yang mendorong kepada keganasan.

# Sambut Ramadan bersama masyarakat Orang Asli

## PERISTIWA

Dan KHARIS ANWAR MUJA

**S**ERAMBI jajah Orang Asli dan Perkampungan Masyarakat Orang Asli Hulu Terengganu, Hulu Yano, Selangor yang baru-baru ini memulakan ibadah puasa Ramadhan dengan berpuasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS) pada 22 September lalu.

Orang Asli juga berpuasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS) pada 22 September lalu. Mereka mematuhi sunnah Rasulullah SAW serta menjalankan ibadah puasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS).

Apelika an Maghrib berpuasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS) pada 22 September lalu. Mereka mematuhi sunnah Rasulullah SAW serta menjalankan ibadah puasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS).



BERKUALITI (dari atas) berpuasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS) pada 22 September lalu. Mereka mematuhi sunnah Rasulullah SAW serta menjalankan ibadah puasa dengan masyarakat Muslim Selangor (MAIS).



# Ziarah Pulau Ketam usaha mumi dekati masyarakatnya

## SENARAI KAUNTER-KAUNTER SAHAM WAKAF SELANGOR DAN WASIAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

### BAHAGIAN BAITULMAL

Bahagian Baitulmal,  
Majlis Agama Islam Selangor,  
Tingkat 9, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah, Persiaran Masjid,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 55143400 sambg 3772 / 3747 / 3570  
Fax : 03 – 55124042

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SABAK BERNAM

Jln Parit Satu Timur,  
45300 Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 32241529 / 1260 / 1259  
Fax : 03 – 32241486

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA LANGAT

Sungai Manggis, 42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 31875134  
Fax : 03 – 31871357

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KLANG

Jln Dato' Hamzah, 41000 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 33748422 / 22  
Fax : 03 – 33726923

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH SEPANG

Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 87061918  
Fax : 03 – 87062961

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT

Jln Low Ti Kok, 43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 87348352 / 87377387  
Fax : 03 – 87363220

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU SELANGOR

Kuala Kubu Bharu, 44000 Hulu Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 60643402 / 1437  
Fax : 03 – 60641122

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH KUALA SELANGOR

45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 32891393  
Fax : 03 – 32892287

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH PETALING

Tingkat 6, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,  
No 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK,  
Seksyen 5, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03 – 55143698  
Fax : 03 – 55122105

### KAUNTER LEMBAGA ZAKAT SELANGOR


[www.e-zakat.com.my](http://www.e-zakat.com.my)

### PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH GOMBAK

Jln Au2a/17, Taman Sri Keramat,  
54200 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 – 42526080 / 4426  
Fax : 03 – 42528418

*Wakaf Pemangkin Ekonomi Ummah  
Wasiat Penyubur Silaturrahim*

Sertailah Saham Wakaf Selangor Dan Perkhidmatan Wasiat MAIS



## LAPORAN **KEWANGAN** **BERAUDIT** TAHUN 2005

|                                   |    |
|-----------------------------------|----|
| Penyata Pengerusi dan Ahli Majlis | 81 |
| Penyata Pendapatan                | 83 |
| Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan | 84 |



## SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Saya telah mengaudit penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2005. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Selangor dan Kumpulan pada 31 Disember 2005, hasil operasi serta aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Majlis Agama Islam Selangor adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.



(HJ. ANWARI BIN SURI)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



PUTRAJAYA  
21 MEI 2007

## PENYATA Pengerusi dan Ahli Majlis

---

"Kami, **Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa** dan **Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd. Wahid** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Selangor dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, penyata kewangan yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan serta Penyata Perubahan Dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Selangor pada 31hb. Disember 2005 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,



Dato' Setia Haji Mohamad Adzib bin Mohd. Isa  
*Pengerusi*

Tarikh : 4 Mei 2007

Majlis Agama Islam Selangor,  
Tingkat 9 & 10, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid,  
Bukit SUK, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Bagi pihak Majlis,



Dato' Setia Haji Mohd Tamyas bin Abd. Wahid  
*Ahli Majlis*

Tarikh : 4 Mei 2007

Majlis Agama Islam Selangor,  
Tingkat 9 & 10, Menara Utara  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid,  
Bukit SUK, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

